

MAHATHIR-PERUTUSAN

KUALA LUMPUR, 4 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENGAMALKAN SIFAT-SIFAT SANGGUP +BERHIJRAH+ UNTUK KEJAYAAN.

MENURUTNYA, PENGHIJRAHAN NABI MUHAMMAD S.A.W. MERUPAKAN SATU USAHANYA SENDIRI UNTUK MENGUBAH NASIBNYA DALAM KERJA MENGEMBANGKAN ISLAM.

+ DEMIKIAN JUGALAH ORANG ISLAM DIKEHENDAKI BERUSAHA SENDIRI UNTUK MENJAYAKAN DIRI, AGAMA DAN NEGARA, + KATANYA DALAM PERUTUSAN SEMPENA MENYAMBUT MA'AL HIJRAH HARI INI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA TANPA SIFAT-SIFAT SANGGUP +BERHIJRAH+, KEJAYAAN TIDAK AKAN DICAPAI KERANA ISLAM TIDAK MENYURUH UMATNYA BERDIAM DIRI DAN MENUNGGU SESUATU TANPA USAHA.

+ TAKDIR TIDAK MENGHALANG KITA BERUSAHA. APA YANG KITA DAPAT SETELAH BERUSAHA ADALAH JUGA TAKDIR TUHAN, + TAMBAHNYA. -- LAGI.
1726MST 04 09 86

D093

B B062 DEB

MAHATHIR-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM HENDAKLAH BERUSAHA MENINGGALKAN APA JUGA UNSUR KEBURUKAN PADA DIRI MEREKA SERTA MENGGANTIKANNYA DENGAN ATAU BERHIJRAH KEPADA UNSUR KEBAIKAN.

UNSUR-UNSUR ITU IALAH SEPERTI SIKAP MALAS, SIKAP SUKA MENANGGUH-NANGGUHKAN PEKERJAAN, SIKAP PASIF DAN SIKAP NEGATIF.

+ DALAM ASPEK LAIN PULA, KITA HENDAKLAH BERUSAHA BERHIJRAH DARIPADA SUASANA KEKURANGAN ILMU DAN KESEMPITAN PENGETAHUAN KEPADA USAHA MELUASKAN ILMU PENGETAHUAN DAN MENINGGIKANNYA BAGI FAEDAH UMAT ISLAM, + KATANYA.

UMAT ISLAM, TEGASNYA, HENDAKLAH SENTIASA BERUSAHA MENGUBAH NASIB MEREKA DARIPADA HIDUP YANG MISKIN KEPADA HIDUP YANG LEBIH SELESA DAN DARIPADA KEHINAAN AKIBAT KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG ADA PADA DIRI MEREKA SEPERTI AKIBAT PERPECAHAN, KEJAHILAN DAN KELEMAHAN EKONOMI KEPADA ARAH PEWUJUDAN SATU UMAT YANG DIHORMATI DAN DISEGANI.

OLEH ITU, SEMPENA DENGAN SAMBUTAN MA'AL HIJRAH INI SEMANGAT HIJRAH PERLU LAH DIKEKAL DAN DIPUPUK SEMULA DI KALANGAN MASYARAKAT AGAR PERPADUAN DAPAT DIKUKUHKAN. -- LAGI.

1750MST 04 09 86

D096

B B065 DEB

MAHATHIR-PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (AKHIR)

MENURUTNYA, INI AMAT SESUAI KERANA SAMBUTAN AWAL MUHARAM PADA TAHUN INI DINAMAI MA'AL HIJRAH YAKNI +BERSAMA HIJRAH+.

+ BERSAMA HIJRAH INI BUKAN HANYA MEMBAWA ERTI MEMULAKAN TAHUN BARU, TETAPI SATU MASA UNTUK KITA MEMPERBAHARU SEMANGAT, SIKAP DAN MEMBUAT PENILAIAN SEMULA SECARA KRITIS DAN MEMBERI TENAGA BARU KEPADA KEHIDUPAN KITA, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMANGAT INGIN KEMBALI KEPADA ISLAM MERUPAKAN PERKARA YANG HARUS DIBERI PERHATIAN OLEH SEMUA PIHAK SUPAYA SEGALA URUSAN KE-ISLAMAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN TERATUR DAN MENDAPAT KERJASAMA. -- BERNAMA.

1755MST 04 09 86